



**Pengurusan Dana Wakaf Untuk Pendidikan:
Pengalaman Majlis Agama Islam Dan Adat
Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Dan Majlis
Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu
(MAIDAM)**

**Pengurusan
Wakaf & Institusi
Kewangan
Islam**

47

***Management of Waqf Fund for Education: Experiences
of Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu
Kelantan (MAIK) Dan Majlis Agama Islam Dan Adat
Melayu Terengganu (MAIDAM)***

Submitted: 31 July 2019
Revised: 26 August 2019
Accepted: 30 October 2019
E-Published: 31 October 2019

MOHD ALI MUHAMAD DON (Corresponding Author)
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA, Pasir Gudang, Johor
73khawarizmi@gmail.com

ABD. HALIM NOOR
Fakulti Pengurusan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA Melaka
drhalimnoor@gmail.com

MAHFUZAH MOHD ZABIDI
MOHD. FARHAN AHMAD
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA, Pasir Gudang, Johor
mahfuzah3051@uitm.edu.my, mohd389@uitm.edu.my

MOHD LUKMANULHAKIM AB RAHMAN
Pembantu Penyelidik
Universiti Teknologi MARA, Pasir Gudang, Johor
loque_akim89@yhoo.com

ABSTRAK

Pengurusan dana wakaf pendidikan pada peringkat awal diuruskan oleh orang perseorangan, tuan guru pondok dan trustee yang dilantik. Namun apabila Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) ditubuhkan, MAIN telah mengambil alih pengurusan dana wakaf yang didaftarkan sebagai Pemegang Amanah Tunggal wakaf menurut enakmen di setiap Negeri. Ini termasuklah pengurusan institusi pendidikan di bawah MAIN yang menghadapi isu pembangunan sekolah di atas tanah wakaf yang terbenkakai dan masalah kekurangan kemudahan asas.





Justeru kertas kerja ini mengenegahkan pengurusan dana wakaf pendidikan oleh MAIN terpilih selain mengenal pasti isu dan permasalahan yang timbul. Bagi memperoleh data kajian ini kajian berbentuk kualitatif secara lawatan kerja penyelidikan dan temu bual berkelompok telah dilaksanakan. Data yang diperoleh telah ditranskripikan dan dianalisis menggunakan aplikasi Atlas.ti bagi memudahkan kerja-kerja pelaporan. Kajian mendapati terdapat pengurusan wakaf pendidikan yang berjaya dan yang kurang berjaya kerana terpalit dengan isu-isu pengurusan dana wakaf yang berbangkit. Diharapkan kertas kerja ini berhasil memberi sudut pandang kedua daripada kaca mata penyelidik bagi memantapkan lagi pengurusan dana wakaf untuk pendidikan khususnya di bawah kelolaan MAIN sekali gus menyemarakkan perkembangan wakaf di Malaysia dan dunia Islam amnya.

Kata Kunci: Wakaf Pendidikan, Pengurusan Wakaf oleh MAIN, Isu Pengurusan Wakaf Pendidikan.

ABSTRACT

In early days education fund management is managed by individuals, 'pondok' teachers (religious teacher) and trustees. However, when the State Islamic Religious Council (SIRC) was established, SIRC took over the management of the waqf fund registered as the sole trustee of waqf according to the enactment in the each State. These include the management of educational institutions under SIRC who face issues of school development on abandoned land and the problem of lack of basic facilities. As such, this work emphasizes the management of educational funds by selected SIRC as well as identifying the issues that arise. In order to obtain the data of this study qualitative research method using field work research and group interviews were conducted. The data obtained were transcribed and analyzed using the Atlas.ti software to make the reporting easy. Studies have found that there are evidence of both successful and less successful management practices because of issues related to the management of waqf funds. It is hoped that this paper provides another point of view of the researchers to further strengthen the management of waqf funds for education especially under SIRC management, thus promoting the development of waqf in Malaysia and the Islamic world in general.

Keywords: Waqf for Education, Management of Waqf by SIRC, Waqf Education Management Issues.

PENGENALAN

Wakaf adalah ibadah *maliah* (kehartaan) bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Menurut al-Qalyubiy (1994), wakaf pada istilah syarak ialah menahan harta yang boleh dimanfaatkan dengan mengekalkan zat untuk digunakan kepada tujuan yang diharuskan. al-Syarbiniy (1994) pula mendefinisikan wakaf sebagai menahan sesuatu harta atau barangan yang boleh digunakan dengan mengekalkan bentuk fizikal asal dengan terputus hak pemilikan untuk perkara yang wujud lagi diharuskan.



Wakaf diharuskan berdasarkan ayat al-Quran dan hadis yang menyatakan keumuman infak fisabilillah. Manakala hukum-hukum wakaf secara khusus dibina atas dasar ijtihadi oleh kalangan ulamak muktabar. Antara dalil keharusan berwakaf dalam al-Quran adalah firmanNya yang bermaksud:

Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sehagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

(Ali Imran, 3:92)

Selain itu, diriwayatkan Sayyidina Umar bin al-Khattab memperoleh sebidang tanah rampasan perang di Khaybar, lalu dia mendatangi Nabi Muhammad SAW dan meminta pendapat mengenai tanah tersebut. Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

Jika engkau ingin maka peganglah yang asal dan sedekahkan manfaatnya.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sayyidina Umar kemudian bersedekah dengan ketetapan harta tersebut tidak boleh dijual beli, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwarisi. Manfaat harta tersebut turut disedekahkan kepada golongan fakir miskin, kaum kerabat, hamba, orang yang berjihad di jalan Allah dan Ibnu sabil serta para tetamu.

Pengurusan wakaf dipertanggungjawabkan kepada pewakaf ataupun orang yang dilantik. Pengurus wakaf dikenali sebagai *nazir*, *mutawalli* ataupun *qiamiy*. Di Malaysia pengurusan wakaf terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan tertakluk kepada enakmen pentadbiran agama Islam Negeri ataupun enakmen wakaf Negeri. Ia bersifat mengikat dengan ketetapan tiada pihak boleh berwakaf kecuali dengan kebenaran Majlis.

Walau bagaimanapun dalam kertas ini Penulis hanya memfokus kepada pengurusan dana wakaf untuk pendidikan di Kelantan dan Terengganu. Secara khusus yang terletak di bawah pengurusan MAIN yang dikaji. Perbincangan dalam kertas ini dimulakan dengan menyoroti perkembangan wakaf untuk pendidikan di Malaysia, meneliti masalah pengurusan wakaf untuk pendidikan seterusnya mengenal pasti pengurusan wakaf untuk pendidikan oleh MAIK dan MAIDAM. Selain itu beberapa isu berbangkit juga dikenal pasti dan dibincangkan dan akhirnya di buat kesimpulan. Ia disusun sebegitu rupa bagi memudahkan pembaca mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai tajuk yang dikaji.

PERMASALAHAN KAJIAN

Wakaf pendidikan yang telah dilaksanakan di Malaysia tidak tertumpu kepada kebanyakan institusi pendidikan. Malahan, urusan berkaitan harta wakaf yang terletak di bawah bidang kuasa MAIN kemungkinan menghadkan pengembangan wakaf pendidikan kepada semua institusi pendidikan. Ini turut memerlukan penglibatan



daripada Kementerian Pelajaran Malaysia atau Kementerian Pengajian Tinggi yang semakin merumitkan proses pewakafan harta untuk sektor pendidikan. Dalam hal ini Hassan (2013) berpendapat MAIN sewajarnya memainkan peranan signifikan bagi mengembangkan wakaf di sekolah mahupun di institusi pendidikan yang lain.

Pada masa yang sama, institusi pendidikan yang berorientasikan wakaf tidak begitu menyerlah dan menonjol, kecuali dalam sistem pengajian pondok yang masih mengamalkan sistem pendidikan tradisional (Maffuza & Noor Syahida, 2014). Malahan jika potensi wakaf dapat diperluaskan ke peringkat sekolah ia dapat memenuhi tiga keperluan utama iaitu pembangunan sekolah dan kemudahannya, menampung kos operasi dan aktiviti kecemerlangan akademik, sahsiah dan kepimpinan (Syed Syed Mohd. Ghazali Wafa, 2010).

Majlis juga menghadapi masalah membangunkan institusi pendidikan menggunakan dana wakaf berikutan sumbangan wakaf dalam bentuk tunai belum meluas. Masyarakat kekal melihat wakaf dalam bentuk tradisi seperti wakaf tanah untuk perkuburan, tanah untuk membangun madrasah dan rumah ibadat sahaja (Mas Nooraini, 2017). Sedangkan keperluan dana untuk institusi pendidikan lebih daripada sekadar tanah untuk membina sekolah. Menurut Mas Nooraini (2017) lagi wakaf merupakan sumber yang diguna pakai untuk memenuhi keperluan pendidikan umat Islam. Wakaf pernah digunakan untuk membiayai dana perpustakaan, buku, tenaga pengajar, membantu pelajar yang tidak mampu dan aktiviti penyelidikan.

Justeru peranan Majlis dalam membangunkan institusi pendidikan dengan dana wakaf signifikan untuk dikaji agar dana wakaf dapat memainkan peranan komprehensif kepada pendidikan ummah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah sebuah kajian kualitatif yang berbantuan data daripada rujukan perpustakaan pada peringkat pembentukan teoritikal kajian. Seterusnya data daripada temubual bersama partisipan terpilih di Negeri Kelantan dan Terengganu telah dirakam dan ditranskripkan oleh Pembantu Penyelidik Siswazah yang dilantik. Selain itu beberapa siri lawatan kerja penyelidikan telah dilakukan bagi mendapat maklumat mengenai pengurusan wakaf pendidikan oleh Majlis di Negeri yang dikaji. Data dan maklumat kajian yang diperolehi telah dilaporkan sebahagiannya dalam bentuk kertas kerja dengan mengetengahkan dapatan kajian secara umum dan isu berbangkit kesan pengurusan wakaf untuk pendidikan oleh Institusi yang dikaji.

PERKEMBANGAN WAKAF PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Amalan wakaf untuk pendidikan di kalangan umat Islam di Malaysia telah bermula semenjak kedatangan Islam ke Alam Melayu dan boleh dianggap sebagai satu tradisi yang positif untuk dikembangkan pada masa kini. Amalan wakaf pendidikan terdapat dalam pelbagai bentuk dan sifat harta yang seperti mana diniatkan oleh pewakaf.



Antaranya ialah wakaf asrama pelajar, wakaf biasiwa, wakaf saraan, wakaf bangunan dan wakaf alat pembelajaran seperti buku, meja dan lain-lain.

Institusi pondok merupakan antara wakaf pendidikan yang terawal di Tanah Melayu diwakafkan oleh para ulama yang kebanyakannya tamat pengajian agama di Mekah. Bentuk pengajian pondok ini begitu popular di kalangan masyarakat Islam terutamanya di akhir abad ke 19 M dan awal abad 20 M. Negeri-negeri yang terkenal dengan pengajian pondok ini seperti Pattani, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak, Seberang Prai dan lain-lain (Riduan, 2013).

Seterusnya institusi pengajian pondok berkembang kepada madrasah yang lebih sistematik dan teratur. Menurut Sufean Hussin (2004) penubuhan madrasah pada peringkat awal dikaitkan dengan dasar pendidikan penjajah yang bersikap acuh tak acuh terhadap pendidikan orang Melayu. Sikap tersebut menyebabkan orang Melayu mengambil pendekatan menubuhkan madrasah di atas tanah wakaf yang turut dibiayai melalui sumbangan derma orang ramai. Malah pengenalan dasar pendidikan sekular di zaman penjajahan telah mendorong masyarakat Melayu untuk berwakaf sehingga banyak madrasah dan sekolah agama didirikan. Ini bagi memelihara kesucian Islam dari unsur-unsur penyelewengan akidah dengan kemasukan penjajah British dan diikuti kemasukan imigran Cina dan India yang dibawa masuk ke Tanah Melayu (Mohd Ali, 2017).

Menurut Maffuza dan Noor Syahida (2014) institusi pendidikan Islam yang diwakafkan boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu; Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang menerima sumber kewangan dari kerajaan pusat, negeri atau MAIN dan ditadbir sebagai sekolah persendirian dengan segala kos pengurusan sekolah ditanggung oleh pemilik. Kedua, Sekolah Agama Negeri (SAN) yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri dan ditadbir oleh MAIN di setiap Negeri dan ketiga, di bawah pentadbiran MAIN dan dibiayai dengan dana zakat.

Antara madrasah yang terkenal dan didirikan di atas tanah wakaf ialah Madrasah al-Attas al-Arabiah, Pekan tahun 1860, Madrasah al-Misriyah di Bukit Mertajam tahun 1906, Madrasah al-Iqbal di Singapura pada tahun 1907, Madrasah al-Attas al-Arabiah Johor, tahun 1913 dan terakhir Madrasah Arabiah Kluang, Johor tahun 1946.

Di sudut pengurusannya pula pada peringkat awal diuruskan oleh pewakaf, ketua kampung dan jawatankuasa masjid (Kamarudin Ngah, 1992) kerana tiada enakmen berkaitan wakaf yang digubal oleh MAIN. Pelaksanaannya mudah dan tidak berlaku salah guna kuasa atau pelanggaran syarat oleh Nazir (Rohayati & Rusnadewi, 2015). Kesannya banyak tanah diwakafkan untuk sekolah pondok, madrasah, masjid dan tanah perkuburan. (Baharuddin, 1994).

Menurut Sharifah Zubaidah (2016) setelah merdeka pengurusan wakaf tertakluk kepada undang-undang Perlembagaan Persekutuan dan enakmen yang digubal di Negeri-negeri. Terdapat pula empat buah negeri yang menggubal enakmen waqaf tersendiri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Perak. Perakewartakan



Peraturan Kawalan Wakaf pada tahun 1959, manakala Johor pula melaksanakan kaedah wakafnya melalui Kaedah-kaedah Wakaf Johor 1983. Sugguhpun begitu menurut beliau lagi Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1999 dianggap sebagai undang-undang wakaf pertama di Malaysia.

Pengurusan Wakaf Pendidikan Pengalaman MAIK dan MAIDAM

Secara umumnya pihak MAIK dan MAIDAM tidak terlibat dengan pengurusan dana wakaf untuk pendidikan secara khusus. Namun begitu berdasarkan sesi temubual secara berkelompok bersama pengurusan MAIK di dapati pengurusan tanah wakaf untuk pendidikan terletak di bawah MAIK manakala pengurusan sekolah agama Negeri dipertanggungjawabkan kepada pihak Yayasan Islam Kelantan (YIK) sejak 1 Mac 1983. Dalam hal ini pihak MAIK berperanan menyalurkan sejumlah peruntukan kepada YIK bagi melaksanakan pengurusan kewangan dan pembangunan semua sekolah-sekolah Menengah Agama dan Arab di Negeri Kelantan termasuklah Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri, Pusat Pengajian Pondok, Telong, Kandis, Bachok dan Tadika Tengku Anis, Kampung Sireh, Kota Bharu (www.yik.edu.my).

Berdasarkan semakan di laman sesawang YIK didapati terdapat sekitar 92 buah sekolah agama di bawah YIK. Ini termasuklah pengurusan aktiviti pendidikan Maahad Muhammadi lelaki dan Perempuan di Kota Bharu yang terletak di bawah YIK manakala pengurusan tapak wakaf di bawah pengurusan MAIK. Pada 2003 pihak Maahad Muhammadi juga pernah memperkenalkan Tabung Geran Wakaf untuk memperluaskan kawasan sekolah bagi memenuhi pembangunan infrastruktur sekolah. Menerusi tabung tersebut pihak sekolah telah berjaya membeli dua lot tanah bersebelahan dengan sekolah iaitu Lot 2428 dan sebahagian Lot 1507, Mukim Padang Bongor, Kota Bharu, Kelantan. Pihak sekolah juga telah menjual sejumlah 13,068 kaki persegi lot wakaf tersebut kepada orang ramai dengan harga RM100/Sekaki persegi termasuk premis di atasnya (<http://yik.edu.my>).

Selain itu MAIK turut menguruskan pembangunan asrama Madrasah Sullamiyah di Bunut Payong di atas tanah wakaf berasaskan konsep wakaf tunai. Tanah tersebut terletak di Lot 3388 Mukim Pintu Gang Kampung Bunut Payong Kota Bharu Tanah berkeluasan 0.7624 hektar. Anggaran kos pembinaan asrama pelajar tersebut ialah RM5.6 juta berdasarkan kiraan pada tahun 2015. Manakala jumlah yang telah dikutip setakat ini ialah RM1.9 juta hasil sumbangan individu yang menyumbang antara RM10,000-RM30,000 seorang. Pelaksanaan Waqaf Tunai oleh MAIK ini berdasarkan kelulusan dan Mesyuarat Jemaah Ulama MAIK pada 9 Jun 2013 yang memutuskan:

"Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah di bolehkan dalam Islam. Dalam menguruskan wakaf tunai ini, pentadbiran MAIK hendaklah memastikan bahawa wang tunai yang diwakafkan itu digunakan untuk pembelian aset kekal. Ini disebabkan wang tunai secara fizikalnya tidak boleh dikekalkan dalam bentuk yang asal tetapi pengekelan ini masih boleh direalisasikan dengan menukarnya kepada harta lain yang bersifat kekal. Dengan itu, ia menepati konsep wakaf iaitu menahan sesuatu harta yang boleh digunakan tanpa susut fizikalnya".



Walau bagaimanapun sehingga kini projek tersebut masih belum bermula kerana pihak MAIK menghadapi masalah pengambilan tanah persendirian untuk memasuki kawasan pembinaan.

Di bawah kelolaan MAIK, terdapat sebuah maahad tahfiz yang dikenali sebagai Maahad Tahfiz al-Quran MAIK. Asalnya terletak di Masjid Muhammadi kemudian berpindah ke Kompleks Islam Jubli Perak yang menawarkan program tahfiz dengan kerjasama Darul Quran. Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra (KIJP) ini bertempat di Panji, Kota Baharu. Ia merupakan hasil cetusan idea Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Al-Marhum Sultan Yahya Petra. Kompleks ini telah dibina di atas tanah wakaf seluas 11.969 ekar yang diwakafkan oleh al-Marhum Tengku Kaya Pahlawan. Di dalamnya terdapat sebuah Dewan Utama, Dewan Serbaguna, Dewan Makan, Asrama anak-anak yatim dan pelajar tahfiz, Kuarters kakitangan, Bilik-bilik kuliah dan Musalla (waqaf.e-maik.my). Pembinaan Kompleks ini adalah berasaskan konsep wakaf musytarak antara niat wakaf *zurri* dan *khairy* dan dirasmikan pada 11 November 2006. Di mana Tengku Kaya Pahlawan telah mewakafkan tanah pada tahun 1921 bagi tujuan Wakaf Zurri iaitu dikhususkan manfaatnya 9/10 kepada ahli keluarga dan 1/10 untuk kebajikan sepertimana yang telah ditentukan oleh pewakaf dalam suratcara wakafnya.

Sebuah lagi sekolah yang di bina di atas tanah wakaf ialah Sekolah Menengah Agama Tengku Amalin A'ishah Putri yang dibina diatas tanah Wakaf Sultan Mansor. Wakaf Sultan Mansor merupakan antara pewakaf terawal di Kelantan iaitu pada tahun 1899. Melalui suratcara wakaf, Almarhum Sultan Mansor telah mewakafkan tanah bagi tujuan mengaji al-Quran dan menziarah makamnya setiap hari.

Berdasarkan sesi tembual bersama pengurusan MAIDAM juga didapati pihak MAIDAM terlibat menguruskan sebuah madrasah moden yang dikenali sebagai Darul Akhyar. Institusi ini menempatkan pelajar daripada golongan miskin dan diberi bantuan dari sudut perbelanjaan harian sekolah, pakaian, makanan dan minuman sepanjang pengajian. Darul Akhyar didirikan di atas tanah wakaf, manakala pengurusan hal ehwal kebajikan para pelajar dibiayai dari kutipan wang zakat.

Pihak MAIDAM juga terlibat secara langsung menguruskan tanah wakaf Sultan Omar yang diwakafkan oleh Tuanku untuk pengajian umum. Di atas tanah tersebut, pihak MAIDAM menguruskan pembinaan dan pengajian pondok. Wakaf ini bersifat umum dan tidak dikhususkan untuk pengurusan sekolah semata-mata. Ini bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk mengambil manfaat daripada wakaf tersebut. Di samping itu, dengan bentuk pewakafan umum memudahkan pihak MAIDAM untuk menguruskannya.

Selain wakaf umum, MAIDAM turut menguruskan wakaf khas yang diniatkan oleh pewakaf untuk tujuan pendidikan. Sebagai contoh, pewakaf menyerahkan sejumlah wang kepada tuan guru untuk memberi pendidikan agama kepada masyarakat setempat. Terdapat juga wakaf khas dalam bentuk penyerahan hartanah atau hasil



sewaan dari hartanah yang diberikan dengan niat wakaf. Namun wakaf dalam bentuk ini tidak begitu meluas pelaksanaannya.

Akademi Kuliner Terengganu (AKT) juga dibangunkan di atas tanah wakaf dan diurus oleh MAIDAM melalui peruntukan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Ianya merupakan kerjasama sinergi di antara MAIDAM sebagai Pemilik, YWM (Pembiaya dan Pengurus) dan GIATMARA (Pengajar). AKT telah memulakan operasi pada tahun 2012. AKT diuruskan oleh YWM melalui Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) dengan kerjasama pihak GIATMARA (MAIDAM, 2019). Di peringkat pendidikan tinggi pihak MAIDAM telah memberi kebenaran kepada Universiti Kolej Bestari (UCB) untuk mengutip sumbangan wakaf bagi membiayai pembangunan institusi tersebut. Pengurusan universiti telah mengambil langkah menjual keseluruhan tanah kampus tetap UCB di Setiu Kuala Terengganu berkeluasan 320 ekar dan diwakafkan dengan kadar RM30 bagi 0.1 meter persegi. Konsep jual dan wakaf ini dilihat berjaya menyumbang pulangan lumayan kepada UCB yang sehingga kini sudah berhasil mengumpulkan sebanyak RM 6 juta daripada derma wakaf tersebut. Malah secara purata Yayasan Waqaf Pendidikan Anak Yatim atau Miskin Malaysia (YAWATIM) yang bertanggungjawab menguruskan dana wakaf tersebut berjaya mengumpulkan RM 500,000 hingga RM 600,000 setiap bulan. (<http://teganukita.my/peyatim-sasar-rm350-juta-skim-tanah-wakaf-pendidikan>)

Keunikan skim wakaf UCB dapat diperhatikan kepada manfaat wakaf tersebut yang disalurkan terus kepada anak-anak yatim dan miskin dalam bentuk pembiayaan pendidikan, kos makanan dan penginapan secara percuma di UCB. (Mohd. Ali, 2015). Pelaksanaan skim wakaf kaki dilihat bertepatan dengan motto PEYATIM iaitu "Kebajikan Anak Yatim Tanggungjawab Bersama". Ini adalah kerana skim wakaf kaki memberi peluang kepada semua golongan untuk turut menyumbang kepada demi kebajikan anak yatim dan miskin.

ISU PENGURUSAN DANA WAKAF DI BAWAH MAIK DAN MAIDAM

Hasil kajian mendapati pihak MAIK dan MAIDAM menghadapi isu kekurangan staf dan kekurangan tenaga pakar dalam membangunkan sektor wakaf. Masalah ini turut dihadapi oleh MAIN yang lain. Selain itu terdapat juga beberapa isu berbangkit kesan pengurusan wakaf untuk pendidikan yang dinyatakan seperti berikut;

Isu Pembangunan Tanah Wakaf

Antara isu berbangkit ialah pembangunan tanah wakaf untuk asrama Madrasah Sullamiyah Bunut Payong, Kota Bharu Kelantan. Pihak MAIK menghadapi masalah dengan pemilik tanah persendirian yang enggan bekerjasama untuk membenarkan pembinaan jalan masuk ke tapak projek tersebut. Isu ini menyebabkan projek tersebut tergendala walaupun kutipan dana wakaf telah dilakukan beberapa tahun yang lalu. Hal ini dikhuatiri menyebabkan niat pewakaf dan jariahnya tidak berterusan kerana belum dimanfaatkan oleh benefisiari yang ditetapkan. Walau bagaimanapun berdasarkan sesi temu bual yang diadakan di MAIK pada Bulan Februari 2019



mendapati pihak berkuasa agama Negeri sedang melakukan segala usaha yang terbaik bagi memastikan pembangunan asrama tersebut direalisasikan dengan segera demi keperluan pelajar dan kelangsungan niat pewakaf.

Isu Wakaf Tradisi

Isu ini termasuk isu yang membantutkan perkembangan wakaf untuk pendidikan di Malaysia. Secara umumnya masyarakat masih melihat wakaf dalam bentuk tradisional untuk pembinaan masjid, tapak perkuburan dan sekolah agama sahaja. Sedangkan berwakaf melalui wang ringgit adalah kaedah alternatif yang efektif untuk program pembangunan ummah yang tidak semuanya boleh disediakan oleh pihak kerajaan (Muhammad Sofiyuddin & Mohd Zamro, 2015). Implikasinya perkembangan wakaf tunai yang sangat diperlukan untuk pembangunan sektor pendidikan di semua peringkat; rendah, menengah dan tinggi masih belum mencapai tahap yang membanggakan. Masyarakat secara umumnya belum melihat potensi wakaf tunai kepada kelestarian ummah selain terdapat yang ragu-ragu dan mempersoalkan ke mana sumbangan mereka digunakan. Ini disokong oleh Zulkiflee et.al. (2015) yang mengatakan pada 2014 populasi penduduk Islam di Terengganu telah meningkat kepada 1,062,516 orang berbanding pada tahun 2010 iaitu 906,317 orang. Namun kutipan wakaf tunai masih rendah iaitu hanya kira-kira RM 540,477.74 sahaja.

Isu Kekurangan Dana

Isu kekurangan dana didapati telah melambatkan pembangunan wakaf. Ini lanjutan daripada sikap masyarakat yang masih melihat wakaf dalam bentuk tradisional berbanding pelbagai bentuk wakaf kontemporari masa kini. Kenyataan ini disokong oleh Rabiatul Hasanah et.al. (2017) yang mengatakan institusi wakaf di Malaysia berhadapan dengan masalah ketidakcukupan dana dalam membangunkan harta wakaf sehingga potensi pengembangan harta wakaf secara optimum sukar dicapai. Malah hasil wakaf yang terhad digunakan pula untuk tujuan pengurusan dan pentadbiran, penyelenggaraan dan pembaikan sahaja. Hasil wakaf juga digunakan untuk membayar cukai-cukai tertentu sehingga gagal dimanfaatkan untuk kepentingan benefisiari. Dalam konteks MAIN pula kegagalan mengutip sewaan dan mengenakan kadar sewaan yang tidak kompetitif menyebabkan masalah kekurangan dana untuk pembangunan wakaf (Che Zuina et.al., 2015).

Isu Penyampaian Maklumat Dan Promosi

Terdapat dalam kalangan masyarakat yang tidak memahami konsep *awlawiyat* dalam pengagihan sumbangan. Implikasinya masyarakat berasa tidak puas hati dengan kecekapan dan keberkesanan pengurusan pengagihan dana yang dilakukan. Dalam hal ini pertimbangan secara adil dan telus telah dilakukan oleh pihak MAIN bagi memastikan pihak yang perlu diutamakan dan didahulukan dalam menerima bantuan. Walau bagaimanapun aktiviti penyampaian maklumat dengan lebih berkesan melalui media massa cetak mahupun elektronik perlu diperluaskan agar maklumat sumbangan sampai kepada golongan sasaran. penting bagi institusi wakaf



di Malaysia dalam memainkan peranan dengan sebaiknya. Menurut Muhammad Sofiyuddin & Mohd Zamro (2015) tugas Majlis dalam pengurusan wakaf tunai perlu dimantapkan di samping memperhebatkan penyampaian maklumat berkaitan wakaf tunai kepada masyarakat.

Usaha murni pihak MAIDAM yang memaparkan maklumat kutipan zakat dan agihan kepada asnaf di akhbar Utusan Malaysia misalnya patut di puji dan jika boleh diperluaskan pula kepada aktiviti berkaitan pewakafan harta dan agihan kepada benefesiari terlibat. Selain daripada itu hebahan dan galakan untuk berwakaf juga belum berjaya dilakukan dengan sempurna. Pihak Berkuasa Agama sewajarnya memaksimumkan penggunaan media sosial agar masyarakat cakna tentang keperluan berwakaf selain menunjukkan bukti-bukti pembangunan berasaskan wakaf bagi menarik lebih ramai dermawan untuk berwakaf.

KESIMPULAN

Tuntasnya MAIK dan MAIDAM didapati telah melakukan yang terbaik sebagai Pemegang Amanah Tunggal Wakaf dalam mentadbir dan mengurus aset wakaf di Negeri masing-masing. Namun begitu pengurusan sumbangan wakaf untuk sektor pendidikan oleh Majlis Agama Islam perlu diperkemaskan lagi selain terlibat secara proaktif dalam mempromosikan sumbangan wakaf tunai yang relevan dengan situasi masa kini. Ini seperti wakaf untuk pendidikan tinggi yang diperkenalkan oleh IPT dan IPTS untuk pelbagai tujuan pembangunan dan pembiayaan pendidikan tinggi di Malaysia. Begitu pula pengurusan dana wakaf masih terhad kepada hartanah wakaf untuk pembinaan sekolah atau kemudahannya sahaja. Sedangkan apabila diteliti wakaf boleh memainkan peranan signifikan dalam pembangunan pendidikan seperti Universiti al-Azhar di Mesir dan beberapa pesanten terkemuka di Indonesia dengan menyediakan biasiswa dan pendidikan percuma kepada golongan pelajar. Justeru kajian lanjut mengenai pengurusan dana wakaf pendidikan di bawah Majlis elok diperbanyakkan bagi memberi manfaat melahirkan ummah yang berilmu dan berkemahiran dalam pelbagai bidang kehidupan. Penulis juga mencadangkan skim wakaf tunai diperkenalkan di peringkat sekolah bagi menampung keperluan pengajaran dan pembelajaran masa kini.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menaja kajian ini melalui Geran FRGS Fasa 1/2018. Kod Geran; FRGS/1/2018/SSO 6/UITM/02/7. Juga kepada pengurusan tertinggi Uni. Teknologi MARA Cawangan Johor yang telah memberi kelulusan dan sokongan padu untuk mengadakan kajian lapangan bagi mengutip data di Malaysia, Singapura dan Indonesia.



RUJUKAN

- al-Qalyubiy, Shihabuddin Ahmad bin Ahmad bin Salamah dan 'Umairah, Shihabuddin Ahmad al-Burullusiy. 1994. *Hāsiyatā al-Qalyūbiy wa 'Umairah 'ala Kanz al-Rāghibīn* Syarh Minhāj al-Thalibīn. Jil. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. 97.
- al-Syarbiniy, Shams al-Din bin Muhammad bin Muhammad al-Khātib. 1994. *Mughni al-Muhtāj ila Ma'rifah al-Ma'āniy al-Minhāj*. Jil. 3. Kitāb al-Wakālah. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. 522.
- Baharuddin Sayin, Asmak Hj. Ali dan S. Salahudin Suyorno. 2006. *Pengenalan Pengurusan Wakaf di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Che Zuina Ismail, Nor Jana Salim dan Nor Jawanees Ahmad Hanafiah. 2015. *Administration and Management of Waqf Land in Malaysia: Issues and Solutions*. Mediterranean Journal of Social Sciences MCSER Publishing, Rome-Italy. Vol 6 No 4 S2 July 2015. 613.
- Hassan, Norizan & Abdul-Rahman, Aisyah & Yazid, Zaleha. 2013. *Pengurusan Dan Pembangunan Wakaf Pendidikan: Kajian Kes Di Selangor, Malaysia* (The Management and Development Of Waqfs For Education: Case Study In Selangor, Malaysia). Proceeding 1st Internasional Conference on Islamic Wealth Management (2013). 386-406.
- Kamarudin Ngah. 1992. *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maffuza binti Salleh dan Noor Syahida binti Abdul Rahman. 2014. *Wakaf Pendidikan Di Malaysia: Satu Tinjauan*. Proceeding International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014). 675.
- Maffuza binti Salleh, Noor Syahida binti Abdul Rahman. 2014. *Wakaf Pendidikan Di Malaysia: Satu Tinjauan*. Dibentangkan di International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) KL, 17 – 18 November 2014. 670.
- Mas Nooraini Hj Mohiddin. 2017. *Wakaf: Sumbangan Yang Dipinggirkan*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue (2017)
- Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani, Noor Inayah Yaakub & Mohamad Khairul Izwan Rifin. 2017. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017* Editors: Mohd Nasran Mohamad, Muhamad Razak Idris, Farid Mat Zain, Cheloh Khaegphong, Anis Pattanaprichawong & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani. Selangor: Academy of Islamic and Arabic Studies and Princess of Naradhiwas University, Thailand. ISBN 978-983-9368-79-6 (2017).



- Mohd. Ali Muhamad Don. 2015. *Wakaf Sebagai Alternatif Pembiayaan Pendidikan Tinggi*. Seminar Antarabangsa Warisan dan Tamadun Melayu 2015, Langkawi, Kedah pada 16-17 Disember 2015.
- Mohd. Ali Muhamad Don. 2017. *Pengurusan Dana Wakaf Universiti Menurut Enakmen Wakaf Negeri Selangor*. Tesis Phd. Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Tidak diterbitkan.
- Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda. 2015. *Pelaksanaan Wakaf Tunai di Malaysia: Satu Sorotan Literatur*. Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI) 2015. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 44-50.
- Mutiara Dwi Sari, Ab. Aziz Yusof, Anura Ibrahim. 2018. *Sinergi Wakaf Dan Keusahawanan Di University College Bestari*. Jurnal Syariah, Jil. 26, Bil. 1 (2018). 41-70.
- Rabiatul Hasanah Mahmood, Nazifah Mustaffha, Latifa Bibi Musafar Hameed Dan Norhanizah Johar. 2017. *Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Isu Dan Cabaran*. Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017). e-ISBN: 978-967-2122-15-9. 43.
- Riduan Mohamad Nor. 2013. *Sumbangan PAS Dalam Bidang Pendidikan Di Malaysia (1951-2004)*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Rohayati Hussin dan Rusnadewi Abdul Rashid. 2015. *Isu-isu Berkaitan Tanah Wakaf Halangan Kepada Pembangunan Institusi Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia*. Waqf Round Table Conference-IkaZ/ACIS, 12 Februari 2015.
- Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader. 2016. *Kerangka Undang-Undang Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang-Undang*. Jurnal Undang Undang Malaysia, 28(1). 101-126.
- Sufean Hussin. 2004. *Pendidikan di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 5.
- Syed Mohd. Ghazali Wafa Bin Syed Adwam Wafa. 2010. *Pembangunan Wakaf Pendidikan Di Malaysia*. Dibentangkan di Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi.
- Zulkiflee, Nadiyah & Wahid, Hairunnizam & Ahmad, Sanep. 2015. *Kesedaran Terhadap Wakaf Tunai: Kajian di Besut, Terengganu*. eProsiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015. Sepang: Usuli Faqih Research Centre.